

29/10/2002

Tuduhan kerajaan amal dasar perkauman dikesali

SETIAUSAHA Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, kesal sikap parti pembangkang yang menuduh kerajaan Barisan Nasional (BN) mengamalkan dasar perkauman sehingga menyukarkan perpaduan antara kaum dicapai.

Beliau berkata, setiap dasar yang dilaksanakan kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan semua kaum di negara ini termasuk persetujuan berkongsi kuasa pemerintahan dengan semua kaum.

Katanya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang didakwa hanya mementingkan bangsa Melayu sebenarnya bertujuan menyusun semula masyarakat di negara ini supaya `kek ekonomi' dapat diagihkan di kalangan kaum di Malaysia.

"Kerajaan tidak mahu hanya satu kaum yang kaya sehingga menyebabkan berlakunya kekacauan seperti dalam kejadian 13 Mei lalu.

"Ketika itu orang Melayu bertindak membakar kedai kerana percaya ia milik orang Cina. Kalau mereka nampak kereta Mercedes, itu orang Cina punya tapi sekarang tidak lagi," katanya ketika menjawab soalan Tan Kok Wai (DAP-Cheras) di Dewan Rakyat, semalam.

Noh berkata, kejayaan pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatukan semua kaum di negara ini sebenarnya terserlah tetapi tidak diterima parti pembangkang.

Beliau turut kecewa kerana pembangkang asyik membangkitkan isu pendidikan sekolah Cina sedangkan sekolah itu bebas ditubuhkan di negara ini, satu kebebasan yang tidak dinikmati masyarakat Cina di negara lain termasuk Singapura.

Malah, katanya, kerajaan menarik balik kuasa Menteri Pendidikan untuk menutup sekolah jenis kebangsaan yang sebelum ini termaktub di bawah Akta Pendidikan.

"Jadi apa yang perlu dirisaukan sedangkan mereka tahu sampai bila pun sekolah Cina tidak boleh ditutup," katanya.

Noh memberi amaran kepada pembangkang supaya tidak menjadi seperti `Belanda mendapat tanah' atau `beri betis nak peha' kerana amalan itu jika diteruskan dibimbangi akan melahirkan masyarakat yang tidak aman di negara ini.

Kenyataan Noh itu menimbulkan rasa kurang senang Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) yang menyifatkan amaran itu menyakitkan hati kaum Cina.

Walaupun diarahkan duduk oleh Timbalan Speaker, Datuk Mohamad Abdullah, Kerk menggunakan Peraturan 36(10) untuk membangkitkan isu itu sambil diikuti Tan yang menjerit bertanyakan kepada Noh pengertian kontrak sosial.

Pertikaman lidah antara beberapa ahli Parlimen DAP termasuk Fong Kui Lun (Bukit Bintang), Chong Eng (Bukit Mertajam) dan Fong Po Kuan (Batu Gajah) dengan Noh berterusan apabila masing-masing membangkitkan hak di sisi Perlembagaan dan kontrak sosial.

Mohamad bagaimanapun berjaya menenangkan keadaan dan mengarahkan semuanya duduk.